

'Keputusan Tun M mengecewakan'

BH- 30/6/2022 ml/s: 4

Wan Junaidi kesal bekas Perdana Menteri enggan beri kerjasama

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Ilah Hafiz Aziz bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jafar, kecewa dengan tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad eng-

gan bekerjasama dalam siasatan menyemak isu dan tindakan perundangan berhubung kes Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan selagi bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali menjadi Pengerusi Pasukan Petugas Khas (PPK).

Bagaimanapun, beliau mengesahkan Mohamed Apandi akan

terus menjalankan tanggungjawabnya dan PPK berkenaan akan meneruskan komitmen untuk menghasilkan laporan akhir seperti dirancang, selaras tujuan penubuhannya.

Katanya, keputusan Dr Mahathir yang enggan bekerjasama dengan PPK berkenaan sebagai tindakan mengejutkan panel penemu bual dan perkara yang sepatutnya dapat dikongsikan bekas Perdana Menteri itu tidak dapat diperoleh PPK.

"Saya dan PPK Semakan Undang-Undang Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan mengambil maklum pendirian Dr Mahathir untuk tidak meneruskan sesi temu bual saksi bersama Jawatankuasa Kecil Tort of Misfeasance yang dijadualkan di AGC, semalam (kelmarin).

"Sebenarnya, tiada isu berbangkit berkaitan keputusan Jemaah Menteri melantik Mohamed Apandi yang juga bekas Peguam Negara, sebagai Pengerusi PPK itu kerana pertimbangan sewajarnya sudah dilaksanakan terhadap keputusan menubuhkan pasukan PPK berkenaan.

"Justeru sebarang bantahan berkaitan kedudukan Pengerusi PPK sewajarnya dibangkitkan lebih awal untuk perhatian kerajaan, sebelum Mohamed Apandi dilantik ke jawatan itu, pada 29 Oktober lalu," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kelmarin, BH melaporkan Dr Mahathir berkeras tidak akan be-

kerjasama dalam siasatan menyemak isu dan tindakan perundangan berhubung kes Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan selagi Mohamed Apandi kekal sebagai Pengerusi PPK berkenaan.

Ahli Parlimen Langkawi itu dilaporkan berkata, beliau hanya sedia menjawab segala persoalan jika Mohamed Apandi ditukar dan pihak ketiga yang tidak mempunyai kepentingan dibawa masuk ke dalam siasatan.

Mengulas lanjut, Wan Junaidi berkata, PPK berkenaan dilantik dengan tujuan spesifik untuk meninjau dan mengkaji opsyen perundangan untuk Malaysia serta menyasiat berkaitan penarikan rayuan kes ini di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), pada 2018.

"PPK sudah pun menjalankan tugas mereka selama tujuh bulan sehingga laporan interim disediakan dan laporan akhir serta tindakan susulan sedang disediakan pasukan petugas khas berkenaan.

"Adalah mustahil untuk saya bertindak sewenang-wenangnya tanpa sebarang justifikasi untuk mengeluarkan Mohamed Apandi sebagai Pengerusi apabila Jemaah Menteri membuat keputusan berkaitan pelantikan beliau.

"PPK hanya ingin mendengar dan mendapatkan pandangan mengenai situasi pada 2018 apabila kerajaan menarik balik rayuan kes ini di ICJ.

"Dr Mahathir sedia maklum

akan pelantikan Pengerusi PPK oleh Jemaah Menteri dan beliau sebenarnya boleh menolak untuk hadir ke sesi pagi ini (semalam) di Jabatan Peguam Negara (AGC)," katanya.

Dalam perkembangan sama, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meminta beberapa pemimpin negara, termasuk Dr Mahathir memberi kerjasama dengan memberikan penjelasan mengenai isu sewaktu pemerintahan Pakatan Harapan (PH).

Menurut Najib, mereka yang dipilih memimpin rakyat perlu bertanggungjawab kepada kerajaan dan rakyat.

Antara isu yang dibangkitkan Najib dan memerlukan penjelasan Dr Mahathir serta bekas Peguam Negara, Tommy Thomas adalah Suruhanjaya Siasatan Bagi Menyasiat Kerugian Urus Niaga Mata Wang Asing Bank Negara Malaysia dan pertikaian mengenai Batu Puteh serta kes mahkamah pemimpin PH.

"Perangi atok (Dr Mahathir) sebiji dengan si Tommy. Enggan beri kerjasama kepada kerajaan hari ini.

"Malah, Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) pun mereka tak hormat. Seperti laporan polis yang merupakan arahan RCI BNM ditarik balik oleh kerajaan PH dan diklasifikasikan sebagai tiada tindakan lanjut ketika Atok merupakan PM dan Tommy merupakan Peguam Negara," katanya di laman Facebooknya semalam.

Ibadat&Fadilat

Sayidina Ibnu Abbas RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa memenuhi saf di bahagian kiri masjid kerana tidak ramai orang di bahagian itu, akan mendapat dua ganjaran." (HR Tabarani)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:52	1:25	4:51	7:38	8:55
Alor Setar	5:53	1:24	4:50	7:38	8:54
P. Pinang	5:55	1:25	4:51	7:37	8:52
Ipoh	5:54	1:22	4:48	7:33	8:49
Kuala Lumpur	5:54	1:20	4:45	7:29	8:44
Shah Alam	5:54	1:20	4:45	7:29	8:44
Johor Bahru	5:48	1:11	4:36	7:17	8:32
Kuantan	5:49	1:14	4:40	7:22	8:37
Seremban	5:54	1:18	4:43	7:25	8:40
Bandar Melaka	5:53	1:17	4:43	7:24	8:39
Kota Bharu	5:46	1:17	4:43	7:30	8:42
K. Terengganu	5:44	1:13	4:39	7:25	8:41
Kota Kinabalu	4:53	12:23	3:49	6:35	7:51
Kuching	5:23	12:46	4:11	6:52	8:07